

## Mesej Empat

### **Mengalami Pendispenan Divin daripada Triniti Divin dengan Menghirup Roh Itu, Minum Air Hayat, dan Makan Roti Tuhan**

Bacaan Bible: Yoh. 20:22; 6:33, 57; 1 Kor. 10:3-4; Wahi 2:7, 17; 3:20

#### **I. Roh terkonsumasi telah dihembuskan sebagai nafas kudus ke dalam disipal-disipal oleh Anak dalam kebangkitan—Yoh. 20:22:**

- A. Injil Yohanes mewahikan bahawa Kristus menjadi tubuh daging agar dapat menjadi Anak Domba Tuhan, dan dalam kebangkitan Dia menjadi Roh beri-hayat; oleh itu, dalam kebangkitan-Nya, Dia menghembuskan diri-Nya sebagai Roh terkonsumasi ke dalam disipal-disipal—1:29; 20:22:
  1. Roh Kudus dalam 20:22 ialah Roh yang dinantikan dalam 7:39 dan dijanjikan dalam 14:16-17, 26; 15:26; dan 16:7-8, 13; ini menunjukkan bahawa Tuan menghembuskan Roh Kudus ke dalam disipal-disipal untuk menggenapi janji-Nya tentang Pelipur yang satu lagi.
  2. Sebagai Roh itu, Dia dapat dihembuskan ke dalam disipal-disipal, Dia dapat hidup dalam disipal-disipal dan mereka dapat hidup melalui-Nya dan bersama dengan-Nya, serta Dia dapat tinggal dalam mereka dan mereka dapat tinggal dalam-Nya—20:22; 14:19-20; 15:4-5.
  3. Dengan menghembuskan Roh itu ke dalam disipal-disipal, Tuan Yesus menyalurkan diri-Nya sebagai hayat dan segala-gala ke dalam mereka.
  4. Roh Kudus dalam 20:22 sebenarnya ialah Kristus yang bangkit itu sendiri, kerana Roh ini ialah nafas-Nya; oleh itu, Roh itu ialah nafas Anak.
- B. Tuan ialah Roh yang memberi hayat, dan Roh ini ialah nafas kita—2 Kor. 3:6, 17; Yoh. 20:22:
  1. Sabda itu, yang merupakan Tuhan, menjadi tubuh daging agar dapat menjadi Anak Domba Tuhan, dan dalam kebangkitan Dia menjadi nafas kudus untuk kita hirup—1:29; 20:22.
  2. Kini kita mempunyai Kristus sebagai Sabda, Anak Domba, pohon, dan nafas: Sabda adalah untuk ekspresi, Anak Domba adalah untuk penebusan, pohon adalah untuk penyaluran hayat, dan nafas adalah untuk kehidupan kita—1:1, 29; 10:10b; 14:19; 15:1.
- C. Roh terkonsumasi sebagai nafas ialah segala-gala bagi kita semasa menjalani kehidupan orang Kristian; hanya nafas ini yang dapat menjadi orang Kristian, dan hanya nafas ini, yakni Roh itu, yang dapat menjadi pejayeng—Gal. 3:2-3, 14; Flp. 1:19; Wahi 2:7.

#### **II. Jika kita ingin mengalami pendispenan divin daripada Triniti Divin, kita semua perlu minum minuman rohani yang sama, iaitu Kristus sebagai Roh beri-hayat almuhit—1 Kor. 10:3-4:**

- A. Minuman rohani dalam 1 Korintus 10:4 merujuk kepada air hidup yang mengalir keluar daripada batuan yang rekah; batuan ini mentamsilkan Kristus yang tersalib dan bangkit, dan air ini mentamsilkan Roh itu sebagai minuman almuhit kita—Kel. 17:6; Yoh. 7:37-39; 1 Kor. 12:13.
- B. Minuman rohani, yakni air hidup, ialah air hayat dalam kebangkitan; apabila kita minum air hayat dalam kebangkitan, kita menjadi orang dalam kebangkitan dan kepunyaannya kebangkitan—10:4; Yoh. 14:20; 2 Kor. 1:9.
- C. Melalui kita minum Kristus sebagai Roh beri-hayat, Tuhan menggarapkan diri-Nya ke dalam kita, kerana dengan minum, kita menerima Tuan masuk dan Dia menjadi satu dengan kita secara organik untuk menjadi hayat dan konstituen kita—1 Kor. 10:4; Kol. 3:4, 10-11.

- III. Ekonomi Tuhan ialah kita makan Kristus sebagai roti Tuhan dan dikonstitusikan dengan-Nya untuk mengekspresikan-Nya dan mewakili-Nya—1 Tim. 1:4; Yoh. 6:35, 41, 57; Kej. 1:26:**
- A. Ekonomi abadi Tuhan ialah menjadikan manusia sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan; kita menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat dengan makan Kristus sebagai roti Tuhan—Yoh. 6:33.
  - B. Dalam ekonomi-Nya, Tuhan berhasrat untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam kita dan mengubah konstitusi kita dengan mengubah pemakanan kita serta memberi kita makan Kristus sebagai makanan syurgawi—Kel. 16:14-15; Yoh. 6:27, 32, 35.
  - C. Yohanes 6 menyimpulkan Kristus sebagai roti kita—roti syurgawi, roti hayat, roti hidup, roti sebenar, dan roti Tuhan—ay. 32-33, 35, 41, 48, 50-51.
  - D. Tuan Yesus menginginkan kita makan, mencerna, dan mengasimilasikan Dia sebagai roti Tuhan, roti hayat, dan roti hidup—ay. 33, 35, 51:
    - 1. Roti hayat ialah bekalan hayat dalam bentuk makanan—ay. 35.
    - 2. *Roti hayat* merujuk kepada sifat roti yang adalah hayat; *roti hidup* merujuk kepada keadaan roti yang adalah hidup—ay. 35, 51.
  - E. Ekonomi Tuhan ialah perihal Kristus masuk ke dalam kita; untuk ini, kita perlu menerima Kristus dengan makan-Nya—Ef. 3:17a; Yoh. 6:57:
    - 1. Catatan tentang pemakanan rohani dalam Bible mewahikan bahawa Tuhan berhasrat untuk mendispenskan diri-Nya ke dalam kita dengan cara makan—ay. 57; 1 Kor. 10:3; Wahi 2:7; 22:14.
    - 2. Makan bererti menghubungi hal-hal di luar kita dan menerimanya ke dalam kita supaya hal-hal ini menjadi konstitusi kita—Kej. 2:16-17.
    - 3. Makan Tuan Yesus bererti menerima-Nya ke dalam kita agar Dia dapat diasimilasikan oleh manusia baru yang terlahir itu dengan cara hayat—Yoh. 6:56-57.
    - 4. Makan ialah cara untuk mengalami pendispensan Tuhan demi ekspresi dan perwakilan-Nya—Kej. 1:26; 2:9; Yoh. 6:51a, 53-57.
    - 5. Makanan yang kita makan, cerna, dan asimilasikan sebenarnya menjadi kita; ini merupakan hal pembauran—1 Kor. 10:17.
    - 6. Tuhan berhasrat menjadi satu dengan manusia; hal ini digambarkan melalui apa yang berlaku selepas kita makan, mencerna, dan mengasimilasikan makanan—Yoh. 6:57.
    - 7. Kita ialah apa yang kita makan; oleh itu, jika kita makan Kristus sebagai roti Tuhan, kita akan menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan.
  - F. Menurut sabda Tuan dalam Wahi 2 dan 3, pejayeng telah dipulihkan kepada hal makan Tuan secara wajar sebagai bekalan makanan mereka; mereka makan Dia bukan sahaja sebagai pohon hayat dan manna tersembunyi tetapi juga sebagai jamuan yang penuh dengan kekayaan-Nya—2:7, 17; 3:20.